

# Murid SK Bukit Kalam teruja kunjungi UMS Labuan

48 27.10.2016 B10

LABUAN: Seramai 89 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Bukit Kalam (SKBK) teruja mengunjungi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL) sempena program Lawatan Sambil Belajar Pasca UPSR, kelmarin.

Rombongan sekolah itu yang turut disertai enam guru diketuai Norine Bilik yang juga guru penyelaras lawatan itu.

Beliau, yang mewakili Guru Besar SK Bukit Kalam Rosli Mohd Ali, berkata lawatan itu bertujuan memberi pendedahan kepada murid mengenai kehidupan sebenar dan suasana pembelajaran serta pengajaran di menara gading.

"Saya bagi pihak guru besar mengucapkan terima kasih kepada pengurusan UMS Labuan yang sudi menerima murid dan guru SK Bukit Kalam pada kali ini. Saya yakin mereka telah mendapat sesuatu yang baharu khususnya motivasi



**GEOFFREY** (enam kanan) bergambar kenangan bersama murid SK Bukit Kalam

untuk memasuki UMS Labuan," katanya.

Sementara itu, Timbalan Pengarah UMS Labuan Prof Madya Dr Geoffrey Harvey Tanakinjal sempat memberikan semangat dan motivasi kepada murid terlibat sebelum menyertai sesi bergambar kenangan di hadapan Menara UMS

Labuan.

Beliau berharap dalam tempoh enam tahun akan datang, murid SK Bukit Kalam akan terus belajar bersungguh-sungguh bukan sahaja untuk memasuki universiti tetapi juga menjadi insan yang berguna kepada agama, bangsa, negara dan masyarakat.

"Jadikan lawatan ini sebagai titik permulaan untuk anda menanam azam dan semangat sebelum memasuki UMS Labuan," katanya.

Taklimat mengenai pentadbiran UMS Labuan disampaikan Penolong Pegawai Tadbir Mohizam Mohamad yang dibantu Pegawai Khidmat Pelanggan

Nor Atiqah Mustaffa.

Murid dan guru dibawa melawat makmal Fakulti Komputeran dan Informatik (FKI) di Tingkat 9 dan perpustakaan.

Mereka begitu teruja menikmati suasana dan pemandangan menarik UMS Labuan yang menjadi kebanggaan warga Wilayah



**MOHIZAM** (kanan) menerima cenderamata daripada Solihin Saripudin sambil diperhatikan Norine Bilik.

Persekutuan Labuan.

Terdapat seramai 2,366 mahasiswa yang masing-masing 1,722 pelajar mengikuti pengajian di Fakulti Kewangan Antarabangsa Labuan (FKAL) dan 644 pelajar lagi di FKI.

Pengarah UMS Labuan Prof Madya Dr Murnizam Haji Halik sentiasa mengalu-alukan lawatan sambil belajar bukan sahaja daripada murid sekolah tetapi juga mereka yang berminat berkongsi kepakaran dengan pensyarah di kedua-dua fakulti itu.